

PM: Lawatan Bosnia berhasil

MM : Ahad 23 / 6 / 2007

➤ **Saya ingin melihat kehadiran lebih ramai ahli perniagaan Malaysia di Bosnia dan Herzegovina**
— Abdullah Ahmad Badawi

SARAJEVO 23 Jun — Kunjungan singkat dengan hasil produktif, itu yang disifatkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mengenai lawatan rasmi dua harinya ke Bosnia dan Herzegovina.

Pada peringkat pemimpin, adalah jelas mereka mahu hubungan mesra yang sedia wujud dan dinikmati oleh kedua-dua negara itu terus dipertingkatkan, khususnya dalam sektor ekonomi.

“Saya ingin melihat kehadiran lebih ramai ahli perniagaan Malaysia di Bosnia dan Herzegovina,” kata Abdullah pada Jumaat.

“Hubungan dan kerjasama berada ada di tahap terbaik dan mesra,” kata rakan sejawatan Abdullah, Nikola Spiric, yang juga Pengerusi Majlis Menteri-Menteri.

Kebimbangan Abdullah adalah terjurus kepada aktiviti ekonomi dua hala yang begitu rendah walaupun kedua-dua negara berkenaan menjalin hubungan mesra.

Tahun lepas, nilai dagangan dua hala antara Malaysia, Bosnia dan Herzegovina hanya di bawah AS\$2 juta (RM7.7 juta) dengan eksport Malaysia bernilai RM7 juta meliputi produk elektronik dan elektrik manakala import pula kebanyakannya perabot dan barangan aluminium bernilai RM700,000.

Hasrat Abdulah untuk memperkukuhkan kedudukan ekonomi Malaysia di negara Balkan ini menandakan komitmen berterusan Malaysia ke arah membangunkan negara ini ‘sebelum, semasa dan selepas’ wilayah ini dilanda perang saudara selama empat tahun, yang berakhir pada 1995.

Apabila Bosnia dan Herzegovina, bekas

negara Yugoslavia mengisytiharkan kemerdekaan pada 1992, Malaysia mengiktiraf negara baru ini dan menghulurkan bantuan termasuk menghantar pasukan pengaman ketika Bosnia dilanda perang saudara.

Selepas 12 tahun, Bosnia dan Herzegovina dengan jumlah penduduk empat juta orang, masih dalam proses membina semula negara dan mengembangkan ekonominya.

Kehadiran delegasi 59 ahli perniagaan Malaysia yang mengikuti rombongan Abdullah itu disambut baik dan wujud petanda menggalakkan kerana 192 mesyuarat diadakan antara komuniti perniagaan kedua-dua negara pada hari pertama lawatan itu.

Abdullah telah menyenaraikan bidang berpotensi untuk ahli perniagaan Malaysia membentuk pakatan strategik dengan rakan perniagaan mereka di negara ini:

Ia termasuk pembinaan jalan raya dan lebuh raya serta pembinaan loji jana kuasa yang akan membantu negara ini mencapai impian untuk menjadi pengeksport bahan tenaga menyeluruh kepada rantau di sini.

Ahli perniagaan Malaysia juga boleh meneroka peluang dalam bidang telekomunikasi ekoran liberalisasi sektor itu oleh Bosnia dan Herzegovina.

Pendidikan dan pelancongan juga merupakan satu lagi bidang yang boleh diterokai ahli perniagaan Malaysia.

Dalam membuktikan komitmen kerajaan memudahkan usaha komuniti peniaga membangunkan negara ini, mereka akan melakukan apa juga yang wajar untuk membantu ahli perniagaan.



ABDULLAH Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah menikmati pemandangan indah bandar Sarajevo dari salah sebuah bangunan perniagaan di Bosmal City Center sebagai mengakhiri lawatannya ke Bosnia dan Herzegovina, pada Jumaat.

— Bernama

“Apa juga perjanjian ekonomi dan dasar-dasar yang perlu diperkenalkan atau dipinda, kami alam akukannya,” kata Abdullah.

Sebagai bukti komitmen kedua-dua ne-

gara, Malaysia serta Bosnia dan Herzegovina menandatangani perjanjian untuk Mengelakkan Cukai Berganda dan Pencegahan Mengelak Cukai Fiskal.

— Bernama

KEPIMPINAN PERDANA